

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : ALOR SETAR, KEDAH
Tarikh : 5 JULAI 2003
**Tajuk : UCAPTAMA DAN PERASMIAN FORUM AK ASASI MANUSIA
MENURUT PERSPEKTIF ISLAM ANJURAN BERSAMA YAYASAN
DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA AN MAJLIS PEMBANGUNAN
WANITA & KELUARGA
PARLIMEN POKOK SENA**

"HAK ASASI MANUSIA DAN PERPADUAN UMMAH"

Yang dihormati Pengerusi Majlis,

Y.A.B. Dato' Seri Setia DiRaja Syed Razak bin Haji Syed Zain
Menteri Besar dan Pengerusi Ketua Badan Perhubungan UMNO Kedah

Y.Bhg. Dato' Kamilia Dato' Ibrahim

Pengerusi, Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia (YADIM)

Y.Bhg. Dato'-Dato', tuan-tuan, puan-puan, para hadirin sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullah dan selamat pagi.

Saya memanjatkan syukur kepada Allah SWT kerana di atas limpah kurnia dan izin-Nya, saya dapat berada di Alor Setar bersama Saudara-Saudari sekalian di Forum Hak Asasi Manusia Mengikut Perspektif Islam yang bertemakan "Hak Asasi Manusia dan Perpaduan Ummah". Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia, YADIM dan Majlis Pembangunan Wanita Dan Keluarga Parlimen Pokok Sena kerana menganjurkan Forum ini. Saya berterima kasih kepada Penganjur di atas jemputan untuk saya berucap dan seterusnya merasmikan Forum ini.

2. Saya percaya, semua peserta dan hadirin akan mengambil peluang sepenuhnya untuk mendapatkan faedah dan manfaat daripada Forum ini. Forum seperti ini, selain daripada membolehkan pertukaran pandangan tentang tajuk Forum dan isu-isu semasa lain, juga boleh membina kefahaman dan idea-idea bernas untuk kita sama-sama berkongsi dan seterusnya praktis dalam kehidupan seharian supaya hasrat dan matlamat kita untuk mewujudkan perpaduan ummah dapat dicapai dengan berkesan.

3. Perpaduan dan kesejahteraan ummah perlu menjadi hasrat dan matlamat setiap insan tanpa mengira sempadan negara, usia, agama dan bangsa. Sejak berzaman dalam tamadun manusia, pelbagai formula telah dirangka untuk mencapai matlamat tersebut. Tetapi, kita dapat lihat sehingga hari ini satu situasi di mana dunia masih dibelenggu dengan perpecahan, ketidakseimbangan kedudukan, ancaman,

penindasan dan segala bentuk kerosakan yang terus berlaku yang mengancam kehidupan manusia.

4. Saya berharap di dalam Forum ini, saudara-saudari boleh menumpukan perhatian kepada cabaran-cabaran global yang sedang dihadapi serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk kita sama-sama tangani secara efektif ke arah pencapaian matlamat perpaduan ummah bagi menjamin kesejahteraan sejagat.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Kita menghadapi berbagai cabaran yang memerlukan kita bersatu dalam mempertahankan hak-hak kita. Sebagai contoh, peristiwa 11 September 2001 telah merubah persekitaran dunia dan kita menghadapi berbagai bentuk tekanan terhadap Islam dan umatnya. Rakyat Malaysia juga tidak terkecuali dari kesan-kesan persekitaran dunia yang tidak menentu ini. Oleh itu, Umat Islam memerlukan perpaduan yang utuh bagi menangani tekanan-tekanan seperti ini supaya hak-hak kita untuk hidup dalam keadaan aman dan sejahtera akan terpelihara.

6. Adalah menjadi hakikat bahawa keperluan untuk memupuk Perpaduan Ummah merupakan satu tanggungjawab yang amat penting bagi setiap individu kerana ianya kunci kepada keteguhan dan kemajuan Umat Islam itu sendiri. Setiap insan mempunyai digniti dan kehormatan. Perbezaan antara seseorang individu dari yang lain hanyalah kewarganegaraan, warna kulit dan bangsa. Ini merupakan suatu perbezaan yang artifisial. Perpaduan Ummah pada asasnya bertitik tolak daripada kejadian manusia sebagai satu masyarakat sejagat (universal community) melalui kepatuhan manusia kepada Keesaan Penciptanya.

7. Persaudaraan akrab dan perpaduan utuh antara kita, tanpa mengira asal dan keturunan atau warna kulit, akan dapat menyumbang kepada matlamat mencapai kedamaian. Hanya bila keadaan aman, ia membolehkan segala usaha baik dalam pelbagai bidang dilaksanakan dengan sempurna. Sebaliknya, dalam keadaan perpecahan, kacau bilau, curiga-mencurigai, permusuhan, dengki-mendengki dan peperangan sudah tentu sekali kita tidak akan dapat mencapai kesejahteraan Ummah. Peristiwa-peristiwa lalu jelas membuktikan perkara ini. Selain itu, cuba lihat apa yang berlaku dan apa yang kita alami pada hari ini. Sewajarnya lah semua pihak perlu mengelakkan elemen-elemen sedemikian demi menjaga perpaduan, keharmonian dan keutuhan Negara kita.

8. Usaha untuk mencapai perpaduan dan kedamaian bukanlah satu perkara yang mudah untuk dilaksanakan. Tetapi, kita sebagai makhluk yang diberi tanggungjawab oleh Allah S.W.T untuk mentadbir dunia, hendaklah berusaha ke arah mencapai matlamat itu. Biarpun ianya sukar dan terpaksa menghadapi berbagai halangan dan rintangan. Dalam konteks inilah, kita mesti menyelami maksud hak asasi manusia yang sebenarnya dari sudut perpaduan Ummah supaya kita dapat mempertahankan hak kita sebagai orang Islam untuk maju berlandaskan kepada Al-Quran dan Sunnah Rasulullah. Ini adalah hak kita yang kita mesti perjuangkan sejajar dengan tuntutan Islam demi menjamin kepentingan dan keutuhan Ummah di masa depan.

9. Untuk mencapai matlamat ini, orang Islam haruslah mengakui bahawa kita semua tergolong di dalam kelompok kalangan manusia yang mempunyai hak untuk dihormati, hak untuk kebebasan dan hak dilindungi daripada kekejaman manusia yang tidak bertanggungjawab. Ini adalah antara beberapa elemen sebagai contoh yang mesti kita pertahankan. Sikap toleransi juga penting untuk manusia mempertahankan hak masing-masing supaya tanpa diskriminasi sama ada dari segi kaum, darjat, rupa bangsa atau jantina.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

10. Kesepakatan dan perpaduan di kalangan Ummah perlu wujud bagi menghadapi segala cabaran dan kemungkinan. Dengan kesepakatan yang utuh, perkara-perkara yang tidak diinginkan dapat dielakkan. Cuba lihat apa yang terjadi di Iraq. Pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya, menunjukkan kepada dunia betapa rapuhnya perpaduan di kalangan Ummah. Oleh kerana tidak ada kesepakatan Ummah, Iraq dapat diceroboh dan ditakluki. Pemimpin dan rakyat Iraq terus hilang hak mereka ke atas Iraq. Penaklukan Iraq adalah suatu tindakan yang tidak boleh diterima akal kerana penaklukan tersebut dilakukan tanpa mengambil kira kedaulatan dan hak negara mahupun hak kemanusiaan rakyat Iraq. Bagi Amerika Syarikat dan sekutunya, semua ini tidak ada nilai kepada mereka. Yang pentingnya, hasrat dan objektif mereka dapat dicapai meskipun pembohongan perlu dibuat bagi meyakinkan masyarakat antarabangsa bahawa rejim Saddam Hussein mesti dihapuskan kerana mengancam Amerika Syarikat dan kestabilan dunia.

11. Kini dunia benar-benar mengetahui niat sebenar Amerika Syarikat. Semuanya telah terlambat. Iraq, sebuah negara yang mempunyai tamadun yang tinggi sejak beribu tahun telah hancur musnah. Sebenarnya Iraq telah menjadi mangsa akibat dasar dan tekanan kuasa besar dunia serta sekutunya. Kini mereka sedang sibuk mengambil langkah untuk mentadbir dan membangunkan semula Iraq. Tetapi rakyat Iraq berhadapan dengan persoalan yang besar sama ada kehidupan mereka di bawah pemerintah sementara Amerika Syarikat dan sekutunya adalah lebih baik daripada rejim Saddam Hussein. Apa yang kita dapat lihat daripada kaca TV, hingga ke hari ini keadaan keselamatan yang langsung tidak terjamin. Rata-rata rakyat Iraq terus menghadapi kesulitan dan kesengsaraan kerana tidak mempunyai sebarang keperluan asas. Ternyata, negara penceroboh dan sekutunya masih belum berupaya untuk memulihkan keamanan dan kesejahteraan di Iraq.

12. Oleh kerana itulah, Malaysia dari awal lagi telah menolak dan menentang dengan keras tindakan ketenteraan terhadap Iraq kerana pendekatan yang diambil itu bukanlah cara penyelesaian baginya. Suara bantahan kita ini, dikongsi oleh sebilangan besar masyarakat dunia yang tidak mahukan pencerobohan atau peperangan apa lagi penaklukan oleh kuasa besar dunia. Tetapi, semuanya ini tidak dipedulikan. Dan akibatnya, Iraq telah hancur musnah dan pendekatan 'unilateralisme' dan hegemonistik, bakal wujud sebagai teras kepada 'orde baru dunia'. Orde baru ini perlu ditangani sebaik mungkin agar hak kebebasan kita dan kedaulatan negara kita tidak akan terancam.

13. Ingin saya tegaskan sekali lagi, dalam keadaan persekitaran dunia yang tidak menentu kini, perpaduan ummah merupakan suatu perkara yang terpenting di dalam menjaga keselamatan negara. Negara seperti Malaysia yang mempunyai berbilang bangsa memerlukan formula dan cara tersendiri untuk memastikan keharmonian rakyat sentiasa terpelihara. Tegasnya Perpaduan adalah asas kepada kekuatan. Pada zaman kegemilangan Islam, amat jelas kejayaan Islam dan perpaduan yang di dokong menjadikan kehebatan Islam melepasi benua Afrika dan Eropah. Malah syiar Islam telah berkembang sehingga satu pertiga dunia dalam tempoh yang singkat.

14. Hari ini anasir-anasir yang menggugat kestabilan negara tetap ada dan terus berusaha untuk memusnahkan kedamaian, memusnahkan ekonomi dan meranapkan segala nikmat dan kemajuan yang ada. Apakah kita patut berdiam diri dan berpeluk tubuh? Tentu tidak. Anasir-anasir ini perlu dilawan. Cara terbaik ialah kita mesti bersatu padu. Ini akan menjadikan kita kuat seumpama seberkas lidi yang tidak boleh dipatahkan.

15. Sebagai orang Islam, ini juga merupakan tanggungjawab kita. Allah berfirman dalam Surah Ali Imran ayat 103, yang bermaksud "Sesungguhnya orang mukmin itu adalah bersaudara. Hendaklah kamu sekalian berpegang dengan tali Allah dan janganlah berpecah belah; dan ingatlah nikmat Allah kepada kamu sekalian; ketika kamu bermusuhan, lalu Allah jinakkan antara hati-hati kamu; maka dengan nikmatnya kamu jadi bersaudara".

16. Islam adalah agama yang cintakan keamanan, agama yang menekan perpaduan dan penyatuan ummah. Perpaduan akan dicapai melalui proses integrasi dan asimilasi dalam negara yang boleh membentuk sebuah masyarakat yang bersatu. Al-Quran banyak membicarakan berhubung dengan susunan masyarakat. Berulang kali dinyatakan bahawa manusia adalah dijadikan dalam pelbagai warna kulit dan bangsa. Walaupun Allah SWT dengan ketinggian kuasa yang dimilikinya boleh memilih untuk menjadikan manusia itu dari satu umat sahaja seperti yang dinyatakan oleh Surah al-Maidah: ayat 48 bermaksud; "Dan sekiranya Allah mahu, nescaya Dia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama)".

17. Namun sebaliknya, Allah SWT memilih untuk menjadikan manusia itu dari pelbagai jantina, bangsa dan puak seperti mana firman-Nya dalam Surah al-Hujarat: ayat 13 bermaksud: "Wahai manusia, sesungguhnya kami ciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu berkenalan dengan baik. Sesungguhnya yang paling mulia di sisi Allah ialah yang paling takwa daripada kalangan kamu".

18. Masyarakat Islam wajar menghayati ingatan dari Al-Quran ini dan menerima hakikat bahawa tidak mungkin berlaku suasana bahawa dunia amnya dan Negara ini khususnya akan hanya dihuni oleh satu bangsa, kaum dan agama. Tambahan pada hari ini, arus globalisasi menjadikan dunia semakin mudah dijelajahi oleh manusia. Sejajar dengan tuntutan ajaran Al-Quran adalah wajib diadakan suasana dimana setiap bangsa, kaum dan agama dapat saling berkenalan dan hidup bersama-sama dengan harmoni. Tegasnya, Islam itu tidak bersikap menentang atau memusuhi

kaum dan bangsa lain meskipun berbeza agama. Sebaliknya, Islam menerima mereka dan memberi pengiktirafan kepada perbezaan kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat berkenaan dengan memberikan hak mereka yang sewajarnya.

19. Pendekatan yang dianjurkan oleh Islam amat sesuai dalam mengambil langkah-langkah untuk menjamin kesejahteraan sejagat. Perbezaan agama, budaya, bangsa dan fahaman boleh diatasi jika semua pihak bersedia untuk saling mempelajari mengenai orang lain dan tidak bersikap memaksa supaya orang lain menerima apa yang kita fikirkan sebagai betul dan sesuai. Ajaran dan prinsip inilah yang dipegang oleh Malaysia sehingga menjadi contoh kepada negara Islam lain pada hari ini dari aspek pemeliharaan hak antara kaum, perpaduan dan mempelopori kesejahteraan sejagat.

20. Kita di Malaysia perlu sentiasa bersyukur kepada Allah SWT kerana terus dapat menikmati kehidupan di dalam suasana aman yang membenarkan kita memainkan peranan masing-masing untuk kesejahteraan hidup kita di dunia dan InsyaAllah di akhirat juga. Namun begitu, kita mesti ingat yang kita masih tetap menghadapi kesan-kesan samada secara terus atau tidak, yang menyebabkan kita merasa bahawa keamanan dan kestabilan yang dinikmati tidak seratus peratus terjamin. Ini kerana kita tidak dapat lari daripada situasi dan perkembangan di sekeliling kita atau dari tempat yang jauh akibat pergolakan politik dan turun naik ekonomi dunia. Kita juga tidak dapat mengelak daripada kesan saling pergantungan (inter-dependence) di antara kita dan masyarakat di dunia luar, sama ada dari segi politik, ekonomi dan keselamatan antarabangsa.

Saudara/Saudari sekalian,

21. Hak manusia menikmati kesejahteraan sejagat dan hidup dalam suasana harmoni tanpa mengira agama, bangsa, usia dan sempadan negara adalah matlamat yang telah diperjuangkan sejak berzaman dalam tamadun manusia. Pelbagai formula telah dirangka untuk mencapai matlamat tersebut. Bagi Malaysia, Kerajaan juga mempunyai agenda yang ditetapkan untuk mencapai matlamat ini dan memastikan keamanan dikekalkan di negara ini. Alhamdulillah, setakat ini kita telah berjaya dan kita perlu bangga kerana keamanan yang dikecapi di Malaysia bukanlah atas dasar paksaan dan penindasan. Ianya dicapai dengan dasar penyatupaduan kaum berbagai bangsa dan agama seperti mana yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Setiap bangsa mendapat hak mereka. Pemerintahan Negara berlangsung menurut prinsip demokrasi yang sesuai dengan suasana persekitaran Negara ini, begitu juga dengan pentadbiran undang-undangnya. Malaysia sentiasa menjadikan prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa sebagai rujukan dalam menggubal undang-undang, dan dalam masa yang sama tidak mengetepikan prinsip undang-undang Islam dan tempatan.

22. Apa yang penting pada ketika ini ialah perlunya masyarakat dunia berusaha memperkukuhkan semula konsep dan proses pelbagai hala atau 'multilateralisme' yang merupakan satu-satunya pendekatan yang boleh menjamin dan memelihara prinsip-prinsip asas demokrasi di dalam hubungan antarabangsa. Pada masa yang

sama, masyarakat dunia perlu terus komited kepada peranan utama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Piagamnya.

23. Bagi Malaysia, kita akan terus mengambil usaha-usaha yang bersesuaian sebagai sumbangan kita di dalam usaha-usaha ke arah keamanan dan perpaduan dunia. Malaysia, sebagaimana Saudara/Saudari sedia maklum, telah menganjur Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) di Kuala Lumpur pada 24 – 25 Februari lalu. Sekaligus, Malaysia juga menjadi Pengerusi Pergerakan tersebut untuk tempoh tiga tahun. Dengan adanya platform ini dan berpandukan kepada pelan-pelan tindakan yang dipersetujui oleh negara-negara NAM ke arah mencapai kestabilan dan keamanan dunia, kita harap masyarakat antarabangsa akan dapat melaksanakan tanggungjawab bagi memastikan hak keamanan sejagat dan perpaduan dipelihara untuk dimanfaatkan oleh masyarakat sejagat.

24. Malaysia juga akan menganjurkan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada bulan Oktober nanti dan akan menjadi Pengerusi OIC untuk tempoh dua tahun. Ini sekali lagi memberi peluang kepada Malaysia dengan kerjasama negara-negara OIC untuk menggubal agenda dan pelan tindakan bagi menjaga dan meningkatkan kepentingan bersama di samping menyumbang kepada usaha untuk mewujudkan keamanan dunia.

25. Saya harap dalam semasa kita menjadi Pengerusi kepada kedua-dua Pertubuhan ini, Malaysia akan dapat mengembeling tenaga dan usaha dengan negara-negara anggota bagi menerajui langkah-langkah menangani cabaran global masa kini. Untuk mencapai objektif ini, sokongan berterusan daripada berbagai-bagai pihak di Malaysia, amatlah penting. Ini adalah kerana perjuangan yang akan kita dokong ini tidak hanya terhad kepada Kerajaan. Ia harus melibatkan segenap lapisan masyarakat.

26. Akhir kata, saya berharap penjelasan ringkas saya dapat dimanfaatkan oleh semua hadirin. Saya dengan sukacitanya, dengan lafaz Bismillah Hirrahmanir Rahim, merasmikan Forum Hak Asasi Manusia Menurut Perspektif Islam bertemakan "Hak Untuk Perpaduan Ummah" dan mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada semua.

Wassalamu'alaikum Warrahmatullah hi Wabarakatuh.